

Kuasakan Perjalanan Raya Anda: Harga Minyak Mungkin Naik Sempena Raya, Namun Kos Pengecasan Kekal Rendah dengan Proton e.MAS

Pemilik Proton e.MAS boleh menikmati diskaun sebanyak 25% untuk pengecasan dari 17 hingga 25 Mac 2026, dengan tawaran perkhidmatan selepas jualan diteruskan sehingga 31 Mac 2026.

Subang Jaya, 16 Mac 2026 - Proton New Energy Technology Sdn Bhd (PRO-NET), anak syarikat milik penuh PROTON, meraikan Hari Raya Aidilfitri menerusi kempen 'Jalinkan Raya Bersama Proton e.MAS'. Kempen ini menampilkan pelbagai tawaran istimewa yang direka untuk menjadikan perjalanan balik kampung lebih lancar, mudah dan berbaloi buat pemilik Proton e.MAS. Dari 17 hingga 25 Mac 2026, pelanggan boleh menikmati diskaun sebanyak 25% bagi yuran pengecasan, selain pelbagai manfaat selepas jualan sempena Raya yang ditawarkan di 36 Pusat pengedar 3S Proton e.MAS di seluruh negara sehingga 31 Mac 2026.

Sejak beberapa minggu kebelakangan ini, harga bahan api di Semenanjung Malaysia telah mencatatkan peningkatan yang ketara. Bagi minggu ke-12 hingga ke-18 Mac 2026, harga RON97 dan RON95 tanpa subsidi meningkat kepada RM3.85 dan RM3.27 seliter, manakala harga diesel pula mencecah RM3.92 seliter. Peningkatan harga petrol dan diesel ini secara tidak langsung menambah kos perjalanan keseluruhan bagi rakyat Malaysia yang pulang ke kampung halaman sempena perayaan Aidilfitri.

Dengan menggabungkan insentif pengecasan yang menarik dengan manfaat khidmat selepas jualan, promosi terhad ini bertujuan memberikan penjimatan lebih dan ketenangan fikiran kepada pemilik Proton e.MAS ketika mereka dalam perjalanan pulang untuk bertemu keluarga, sanak saudara dan rakan-rakan sempena musim perayaan.

Mengulas mengenai promosi ini, Encik Sua Chek Hoong, Ketua Pegawai Penerangan (CIO) PRO-NET, berkata: "Kenaikan harga bahan api menjadi salah satu kelebihan utama kepada kenderaan elektrik, iaitu kos operasi yang jauh lebih rendah berbanding kenderaan enjin pembakaran dalaman (ICE atau petrol) konvensional. Dengan promosi pengecasan sempena Raya ini, kami berharap dapat menjadikan perjalanan pulang ke kampung lebih mampu milik dan mudah bagi pemilik Proton e.MAS."

"Dengan lebih ramai rakyat Malaysia beralih kepada mobiliti elektrik, fokus kami kekal pada pembangunan ekosistem EV yang lancar, disokong oleh infrastruktur pengecasan yang mudah diakses, perkhidmatan selepas jualan yang boleh dipercayai, serta pengalaman pemilikan yang terbaik. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua yang menyambut, serta mengucapkan terima kasih atas kepercayaan dan sokongan berterusan anda kerana terus bersama-sama memajukan ekosistem EV di Malaysia," tambah Encik Sua Chek Hoong.

Jalinkan Raya Bersama Proton e.MAS dengan Promosi Pengecasan Eksklusif

Bersempena kempen Raya ini, pemilik Proton e.MAS boleh menikmati diskaun 25% daripada harga Pengendali Titik Pengecasan (CPO) apabila mengemas melalui Aplikasi Proton e.MAS dan Aplikasi Hello smart dari 17 hingga 25 Mac 2026. Untuk menikmati promosi pengecasan ini, pelanggan hanya perlu:

- Buka aplikasi Proton e.MAS sepanjang tempoh promosi (17 hingga 25 Mac 2026).
- Klik pada Peta Pengecasan, pilih stesen pengecas pilihan anda dan pilih penyambung yang betul berdasarkan label fizikal pada pengecas.
- Selesaikan pre-authorisation untuk memulakan sesi pengecasan.
- Pastikan sesi pengecasan diselesaikan dalam tempoh promosi.

Harga yang dipaparkan di aplikasi Proton e.MAS dan Hello smart sepanjang tempoh promosi (17 hingga 25 Mac 2026) sudah termasuk diskaun 25%.

Promosi ini juga mempamerkan ekosistem pengecasan PRO-NET, yang kini menyediakan akses kepada lebih 4,300 titik pengecasan di lebih 1,400 lokasi di seluruh negara. Titik pengecasan ini disokong oleh 10 Pengendali Titik Pengecasan (CPO), menunjukkan keluasan liputan dan kebolehsambungan yang ditawarkan melalui peta pengecasan PRO-NET.

Ganjaran Khidmat Selepas Jualan Sempena Raya Tersedia di Pusat 3S Proton e.MAS sehingga 31 Mac

Selain promosi pengecasan, Proton e.MAS turut menawarkan pelbagai manfaat selepas jualan sempena Raya sehingga 31 Mac 2026, yang boleh dinikmati di 36 Pusat Penegdar 3S Proton e.MAS di seluruh negara. Khidmat selepas jualan sempena perayaan ini merangkumi:

- Pemeriksaan kenderaan percuma
- Baucar diskaun RM50 untuk servis seterusnya
- Cuci kereta percuma
- Pengecasan percuma sehingga 80%
- Sampul Duit Raya Proton e.MAS percuma, sementara stok masih ada

Manfaat khidmat selepas jualan ini direka untuk membantu pelanggan mempersiapkan kenderaan mereka bagi tempoh perjalanan perayaan, sambil menikmati nilai tambah dan kemudahan yang lebih.

Melalui Kempen 'Jalinkan Raya Bersama Proton e.MAS', PRO-NET terus mengukuhkan Proton e.MAS sebagai Jenama EV No. 1 di Malaysia, serta komited untuk menyediakan pengalaman pemilikan EV yang lancar dan memastikan pemilik dapat pulang ke kampung dengan selamat sempena musim perayaan ini.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial).

#PROTONeMAS7PHEV #DualPoweredEV #OpenYourWorld #PROTONeMAS7 #MostAffordableEV
#PROTONeMAS5 #OwnYourSpace #FreedomThatElectrifies #eMAS5FirstAffordableEV

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS adalah jenama kenderaan elektrik dan tenaga baharu nasional di Malaysia, sebuah sub-jenama PROTON yang diedarkan oleh PRO-NET. Memainkan peranan penting dalam penerimaan EV dan pembangunan ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk memimpin peralihan ke arah pengangkutan lestari dengan dedikasi tanpa kompromi terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedarannya yang berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh, serta ekosistem yang dibina memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASI HUBUNGAN

dengan sentiasa menyediakan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan piawaian antarabangsa. Proton e.MAS telah diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran

H/Advisors Klareco

Telephone: +6014 345 2006

Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global